

Universiti awam 'terperangkap' mencari dana

- Perubahan dasar menuntut UA lebih berinovasi bagi dapatkan dana bukan kerajaan. Bagi menjayakan dasar baharu ini, UA dibenar mencari dana sendiri, termasuk menjalankan perniagaan secara terhad

- Mencari keuntungan lazimnya berupaya mengaburi wawasan murni UA, iaitu 'berilmu, berbakti'. Semua perkhidmatan disandarkan kepada kos dan faedah ekonomi akan semakin menjauh daripada dasar kebajikan awam



Oleh Prof Emeritus Datuk
Dr Ibrahim Komoo
bhrencana@bh.com.my

Pengerusi
Lembaga Pengarah
UPM merangkap
Pengerusi,
Jawatankuasa
Pengerusi Lembaga
Pengarah Universiti
Awam (UA)

Universiti awam (UA) pada prinsipnya adalah institusi kerajaan yang memberikan perkhidmatan pendidikan tinggi bagi meningkatkan keupayaan modal insan negara dari perspektif kepimpinan ilmu, pakar bidang, bakat berkemahiran tinggi dan intelek awam.

Ini adalah tanggungjawab sosial sebagai sebuah negara bangsa berdaulat bagi menyediakan pemimpin berilmu, teknokrat, modal insan berkemahiran tinggi dan imej keupayaan teknologi untuk kemajuan negara.

Sebahagian daripada peranan pendidikan tinggi boleh dimainkan badan swasta, khususnya bagi memperbanyakkan tenaga mahir dalam bidang profesional dan teknikal.

Di Malaysia, dasar pendidikan tinggi awam diterjemahkan melalui peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. UA dianggap sebagai Badan Berkanun Persekutuan dan masing-masing mempunyai perlembagaan tersendiri berasaskan AUKU 1971.

Perlembagaan ini menjelaskan peranannya melalui dua badan pembuat dasar, iaitu Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Senat Universiti, sementara Naib Canselor bertindak sebagai ketua pegawai pelaksana. Bagi tujuan penyelarasan dasar dan peruntukan kewangan kerajaan, UA diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Pada awalnya, negara hanya mempunyai lima UA iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan berupaya membiaya sepenuhnya keperluan pengurusan dan pembangunan daripada dana kerajaan.

Akan tetapi sejak UA berkembang pesat mulai awal 1980-an, kini negara mempunyai 20 UA. Dana pembiayaan sepenuhnya bertukar kepada pembiayaan untuk keperluan pengurusan sahaja. Dalam situasi ini, pengembangan dan pembangunan UA mulai berubah dan perlu mencari dana tambahan.

Perubahan dasar ini menuntut UA lebih berinovasi bagi mendapatkan dana bukan kerajaan. Bagi menjayakan dasar baharu ini, UA dibenarkan mencari dana sendiri, termasuk menjalankan perniagaan secara terhad. UA memang terbahit mendapatkan dana bukan kerajaan menerusi geran penyelidikan, sumbangan atau derma ikhlas, endowmen serta perkhidmatan akademik, terutama nasihat dan perundingan.

Pada masa ini, sistem pengurusan dana luar tidak bersepadu dengan sistem dana kerajaan. Ada UA membentuk yayasan, membangunkan unit khas atau institusi separa-perniagaan, dan sebahagian besar UA kini mempunyai beberapa anak syarikat.

Pendapatan daripada usaha ini masih terhad, terutama kerana kos pengurusan tinggi dan pem-

bayaran imbuhan berganda.

Ahli akademik menjalankan kerja perundingan, walaupun menggunakan masa dan kemudahan pejabat masih dibayar fee atau elaun tambahan, selain daripada gaji hakikinya.

Aktiviti perkhidmatan awam dan perniagaan dalam kebanyakan keadaan bercanggah. Jika matlamat akhir perkhidmatan awam adalah kesejahteraan dan bantuan kepada masyarakat, matlamat akhir perniagaan pastinya keuntungan.

Mencari keuntungan lazimnya berupaya mengaburi wawasan murni UA, iaitu 'berilmu, berbakti'. Semua perkhidmatan disandarkan kepada kos dan faedah ekonomi akan semakin menjauh daripada dasar kebajikan awam.

Pendanaan ialah inisiatif mendapatkan dana melalui pelbagai aktiviti tanpa atau hanya bersiko rendah. Antaranya ialah derma, pemberian, wakaf, endowmen, geran penyelidikan, perkhidmatan kepakaran dan pelaburan.

Fakulti dan institusi penyelidikan digalakkan melakukan aktiviti pendanaan dalam konteks jaringan, jangkauan dan menyampaikan perkhidmatan akademik dengan matlamat berbakti. Ia sebahagian daripada tanggungjawab pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan akademik.

Perniagaan UA perlu dilakukan institusi perniagaan bebas, dimiliki sepenuhnya atau sebahagian oleh UA dan kawalan dasar diletakkan di bawah Lembaga Pengarah. Tumpuan perniagaan universiti perlu diberikan kepada produk inovasi teknologi dan inovasi sosial. Setiap penyelidikangunaan akan berakhir dengan produk baharu boleh dikomersialkan.

Lazimnya, ahli akademik berminat menghasilkan kertas seminar, penerbitan ilmiah dan prototaip. Ini adalah petunjuk prestasi utama (KPI) diperlukan untuk kenaikan pangkat.

Peranan institusi perniagaan universiti perlu memberikan fokus kepada pembangunan selanjutnya sehingga boleh dikomersialkan. Dalam konteks ini, usaha ke arah penjualan lesen, mendapatkan royalti, penjualan hak milik dan pengilangan adalah proses perniagaan berdayasaing tinggi.

Bina kerjasama secara berstrategi

Beberapa isu masih membelenggu UA ialah peralihan antara sebuah institusi perkhidmatan dibiaya sepenuhnya oleh geran kerajaan kepada institusi bersifat seakan korporat, iaitu sebahagian dana perlu diperolehi melalui aktiviti pendanaan dan perniagaan.

Masih ramai ahli akademik berasaskan bukan tugas mereka mencari dana untuk pengurusan universiti. Sebahagian daripada ahli akademik pula berpendapat, mereka perlu diberikan ganjaran tambahan sekiranya terbahit dalam aktiviti pendanaan.

Dalam konteks ini, masih belum ada dasar atau garis panduan jelas atau seragam boleh digunakan pakai semua UA bagi memastikan di sebalik urusan pendanaan dan perniagaan, tugas hakiki khidmat awam dan kualiti akademik dipertahankan.

Sebagai UA, sememangnya aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan akademik boleh digunakan untuk urusan pendanaan serta perniagaan. Namun, antara pendanaan dan perniagaan perlu mempunyai batas jelas.

Fakulti dan institusi penyelidikan sebaiknya memberikan tumpuan kepada aktiviti pendanaan bagi memastikan peranan hakiki, khususnya perkhidmatan awam dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

Sementara aktiviti perniagaan dijalankan badan perniagaan (institusi swasta), sama ada dimiliki sepenuhnya oleh UA atau bersama rakan kongsi lain. Kerjasama antara fakulti, institusi penyelidikan dan badan perniagaan perlu dibina secara berstrategi tanpa menjejaskan peranan hakiki masing-masing dan tidak menjadikan fakulti serta institusi penyelidikan jentera perniagaan sehingga menggugat kecekapan peranan asasnya sebagai UA.

UA mempunyai peranan asas untuk membangun pemimpin dan sumber insan berkemahiran tinggi bagi pembangunan negara. Oleh itu, program prasiswazah perlu mengutamakan pengambilan pelajar tempatan, sementara kemasukan pelajar asing dihadkan sebagai tanggungjawab sosial negara.

Kemasukan pelajar asing dihadkan sebagai tanggungjawab sosial negara serantau dan dasar pengantarabangsaan. Tumpuan pengambilan pelajar antarabangsa yang luwes boleh diberikan kepada program pasca-siswazah. Ini boleh dilaksanakan dalam konteks perniagaan universiti.

Dalam keadaan semasa, masih terdapat banyak halangan bersifat struktur bagi UA menjalankan perniagaan. Antaranya birokrasi kerajaan dalam membuat keputusan atau tindakan pelaksanaan, sistem kawalan kewangan kerajaan dan struktur perjawatan.

Apa yang penting, kepercayaan dan akauntabiliti lebih tinggi perlu diberikan jika transformasi pengkorporatan UA menjadi dasar baharu negara.

